



SANTAPAN MINDA

positive negative

Positif atau Negatif

Oleh: Noraishah Binti Abd Wahab
Kaunselor Pelatih

Masalah... masalah... masalah. Kita sebenarnya tidak lari daripada menerima masalah dan musibah. Kita akan sentiasa diuji dengan pelbagai masalah tetapi yang membezakan kita adalah bagaimana kita menyelesaikan masalah yang berlaku itu.

Mungkin penyelesaian yang diambil dari sudut yang POSITIF atau NEGATIF. Kita seringkali mengeluh, sedih, kecewa dan menyalahkan orang lain dengan masalah yang berlaku. Hikmah berlakunya masalah ini adalah untuk mengajar kita supaya lebih bersabar menghadapinya dan secara tidak langsung dapat mengajar kita berfikiran lebih matang.

Adakah kita bersikap dan berfikir secara positif? Mungkin ya, walau bagaimanapun kadang-kadang tercetus pemikiran yang tidak rasional sehingga menyebabkan kita membuat kesilapan dalam berfikir. Kesilapan ini sebenarnya membawa ke arah pemikiran negatif yang boleh mewujudkan emosi negatif seperti stres, benci, takut dan marah. Bagi sesetengah orang, stres yang wujud boleh membantu dalam menyelesaikan masalah kerana ia di anggap sebagai pendorong dalam kehidupan kita tetapi dalam jangka panjang, ia mungkin boleh membentuk keperibadian individu tersebut.

Seperti kata-kata dari Dr. H.M. Tuah Iskandar bahawa "orang yang positif ialah mereka yang melihat masalah itu adalah satu peluang." Di sebalik masalah yang menimpa diri, mereka menganggap sebagai laluan untuk mengecapi satu kejayaan dengan disusuli tindakan yang luar biasa.

Tersebutlah kisah sebuah keluarga:

Terdapat seorang ayah yang menunggu ajalnya di hadapan si isteri serta berpesan DUA perkara kepada dua orang anak lelakinya iaitu:

- Pertama - Jangan pernah meminta hutang kepada orang yang berhutang kepada kamu.
- Kedua - Jika pergi ke kedai untuk bermiaga, jangan biar muka terkena sinaran matahari.

Waktu terus berlalu dan kenyataan terjadi selepas beberapa tahun ayahnya meninggal dunia, anak yang sulung bertambah kaya manakala anak yang bongsu menjadi semakin miskin.

Pada suatu hari si ibu menanyakan hal itu kepada mereka.

Jawab anak yang bongsu:

"Ini kerana saya mengikuti pesanan ayah. Ayah berpesan supaya saya tidak boleh meminta hutang kepada orang yang berhutang kepadaku kerana akibatnya modalku akan susut disebabkan oleh orang yang berhutang kepadaku tidak membayar hutang tersebut"

"Ayah juga berpesan supaya kalau saya pergi atau pulang ke kedai dan sebaliknya tidak boleh terkena sinaran matahari. Dengan itu saya harus naik teksi. Sebenarnya saya boleh saja berjalan kaki, tetapi disebabkan pesanan ayah itu, penggunaan wang perbelanjaan saya bertambah banyak".

Kepada anak yang sulung yang bertambah kaya, si ibu bertanya perkara yang sama. Jawab anak sulung:

"Ini semua adalah kerana saya mentaati pesanan ayah. Ayah berpesan supaya saya tidak meminta kepada orang yang berhutang kepada saya, maka saya tidak pernah memberi hutang kepada orang lain sehingga menyebabkan tiada penusuhan nilai berlaku."

"Ayah juga berpesan supaya jika saya pergi ke kedai atau pulang dari kedai, tidak boleh terkena sinaran matahari. Oleh itu saya pergi ke kedai sebelum matahari terbit dan pulang selepas matahari terbenam. Hal ini kerana kedai saya dibuka sebelum kedai lain buka dan tutup juga selepas semua kedai ditutup".

Sehingga kebiasaan keadaan itu, orang mula mengenali dan kedaiku menjadi laris dan menjadi tumpuan kepada pengunjung yang datang kerana mempunyai jam kerja yang lebih masa.

MORAL CERITA:

Kisah ini menunjukkan bahawa bagaimana satu ungkapan atau peringatan yang dianggap dengan fahaman yang berbeza. Jika kita melihat dengan sikap yang positif maka segala kesusahan yang berlaku adalah sebuah perjalanan menuju ke arah kejayaan tetapi kita boleh juga terhanyut dengan adanya kesusahan dalam kehidupan sehari-hari kita.